

# Exfuze Lifestyle & Leadership Retreat di Hyatt Regency Kuantan

2 minggu yang lepas, saya dan rakan-rakan di dalam Exfuze telah mengikuti satu percutian dan seminar selama 3H 2M di Hyatt Regency Resort Kuantan. Percutian ini adalah di atas kejayaan mencapai matlamat promosi yang di adakan oleh pihak syarikat Exfuze Malaysia sepanjang Januari hingga ke Mac yang lepas.

Ianya di adakah selama 3 hari di mana pada hari Sabtu di adakah seminar sehari bersama Paul Morris iaitu Co-Founder Exfuze International yang beribu pejabat di Florida, Amerika Syarikat.

Malaysia adalah di antara 9 negara di mana Exfuze sudah mula bertapak dan dalam jangka masa 2-3 tahun akan datang, Exfuze akan melebarkan sayapnya ke negara-negara yang lain pula.

Kehadiran saya di Kuantan bersama dengan usahawan-usahawan Exfuze yang lain seramai 22 orang yang hadir ke sana dengan bas yang di sediakan oleh pihak syarikat Exfuze. Kami bertolak pada jam 2 pagi pada hari Jumaat dan selamat sampai pada sebelah pagi dalam jam 11 sebelum di benarkan check in awal ke bilik masing-masing.

Aktiviti pada hari Jumaat adalah aktiviti santai di mana selepas makan tengahari adalah masa free dan easy. Makan malam di adakan secara BBQ di tepi kolam sehingga jam 10 dan selepas itu acara game di adakan di dalam bentuk kumpulan. Ha..ha.. memang kelakar habis acara game tersebut yang berakhir jam 11:30 mlm.

Pada hari sabtu, acara bermula pada jam 11 di mulai dengan penganugerahan kepada usahawan-usahawan Exfuze yang berjaya

mencapai ranking masing-masing. Pada masa ini hanya ada seorang Diamond Elite Director sahaja di Exfuze Malaysia. Peluang memang terbuka luas di sini.

Malamnya selepas makan, di adakan sesi karaoke kepada usahawan-usahawan yang nak mencuba bakat terpendam masing-masing. Oleh kerana top leader Exfuze adalah bekas vokalis Inuendo, maka susahlah yang lain-lain nak challenge suara. Ada yang bagus, ada juga yang boleh menyanyi setakat majlis kenduri kahwin jer dan ada juga yang saja-saja nak lepas gian menyanyi. Bottom line semua happy dan dan berpuas hati !!!

Ahad jam 11 pagi di adakan sesi sharing bersama pengurusan dan ikrar usahawan untuk memastikan Konvensyen Asia yang akan di adakan di Kuala Lumpur pada bulan November ini akan menjadi pentas di mana usahawan Exfuze malaysia membuat gegaran dan kejutan ...

Bertolak balik jam 2 petang dan selamat sampai ke Pulau Pinang pada jam 12 tengah malam .

Berminat nak menyertai Exfuze Seven plus dan menikmati satu gaya hidup yang menarik sila hubungi saya, Khairul di +6 012-5396213 ... Salam sukses ... dan di bawah ini adalah paparan video di sepanjang percutian 5 bintang 3H 2M di Kuantan.